

Apakah keganasan rumah tangga?

Keganasan rumah tangga adalah keganasan yang dilakukan ke atas anda oleh ahli keluarga anda sendiri. Keganasan ini termasuklah menampar, menendang, mencekik, menghantuk kepala anda ke dinding, mengadakan hubungan seks secara paksa atau menyebabkan anda hilang harga diri, bodoh dan merasa tidak berguna.

Keganasan rumah tangga adalah perkara biasa. Selalunya dilakukan oleh lelaki ke atas wanita dan kanak-kanak, tetapi ia juga boleh berlaku kepada sesiapa sahaja. Orang yang melakukan keganasan ini cuba menguasai mangsanya. Tidak ada sesiapa pun harus dianiayai. Keganasan rumah tangga adalah salah.

Apakah Akta Keganasan Rumah Tangga?

Akta Keganasan Rumah Tangga diluluskan pada tahun 1994. Akta Keganasan Rumah Tangga mengenal-pasti keganasan yang berlaku dalam sebuah rumah tangga sebagai masalah sosial yang serius dan mesti ditangani. Keganasan rumah tangga bukan satu masalah peribadi keluarga.

Akta Keganasan Rumah Tangga melindungi ahli keluarga terdekat, termasuklah isteri atau suami, bekas isteri atau suami, kanak-kanak (termasuk anak angkat), orang-orang dewasa yang tak berkeupayaan (samada mental ataupun fizikal), dan mana-mana anggota keluarga yang lain. Akta Keganasan Rumah Tangga melindungi semua orang, termasuk juga yang beragama Islam.

Apakah jenis-jenis keganasan yang dilindungi oleh Akta Keganasan Rumah Tangga?

Walaupun keganasan rumah tangga berlaku dalam berbagai bentuk, undang-undang hanya mengiktirafkan keganasan seperti yang berikut: keganasan yang menyebabkan kecederaan fizikal, meletakkan anda dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal, mengurung anda, merosakkan harta benda dengan niat menggusarkan anda, atau memaksa anda melakukan sesuatu yang anda berhasrat tidak melakukannya.

Bagaimana Akta Keganasan Rumah Tangga boleh menolong anda?

Anda boleh membuat aduan keganasan rumah tangga. Jika anda tidak lagi merasa selamat di rumah, anda dan anak boleh mendapatkan perlindungan di Pusat Kesedaran Wanita. Jika anda perlu mengambil barang-barang anda, pegawai kebajikan masyarakat ataupun pegawai polis boleh menemani anda balik ke rumah.

Anda boleh juga mendapatkan bantuan mahkamah. Mahkamah akan mengeluarkan Perintah Perlindungan Sementara (Interim Protection Order - IPO) bagi melindungi anda dari keganasan seterusnya. Jika anda sedang menjaga seorang mangsa keganasan (umpamanya kanak-kanak, ataupun orang-orang yang tak berkeupayaan), anda boleh memohon IPO untuk mereka. Sekiranya pesalah melanggar IPO ini ia boleh dihukum oleh mahkamah.

Bagaimana anda boleh mendapatkan Perintah Perlindungan Sementara (IPO)?

BANTUAN RAWATAN PERUBATAN

Jika anda tercedera, pergi ke Jabatan Kecemasan dan Kemalangan hospital kerajaan yang berhampiran. Dapatkan nombor laporan perubatan anda.

BANTUAN POLIS

Laporkan keganasan rumah tangga di balai polis. Pastikan anda mendapatkan nombor laporan anda, sebaik-baiknya cubalah dapatkan salinan karbon pada ketika itu juga.

Anda mesti ingat di balai manakah anda pergi. Beritahu anggota polis yang anda perlukan IPO. Pihak polis akan merujuk anda kepada seorang pegawai siasatan (I.O.) untuk menyoal kes anda. Kemudian anda akan dirujuk kepada pejabat kebajikan masyarakat untuk membantu proses IPO anda.

BANTUAN DARI PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT

Secara alternatif, anda boleh ke pejabat kebajikan masyarakat dan meminta bantuan untuk mendapatkan IPO. Tunjukkan laporan polis anda jika ada. Pegawai Kebajikan Masyarakat akan membantu anda untuk mendapatkan IPO.

MAHKAMAH

Samada polis atau pegawai kebajikan masyarakat akan membantu anda untuk mendapatkan IPO di mahkamah. Anda boleh juga menggunakan khidmat peguam. Mahkamah mungkin menyoal anda mengenai keganasan. Mahkamah akan mengeluarkan perintah IPO jika mahkamah berpendapat anda memerlukan perlindungan.

Jika anda kluatir keganasan akan terus berlaku lagi keatas diri anda, anda boleh memohon supaya mahkamah mengeluarkan perintah tangkap. Ini bermakna polis boleh menangkap pesalah dengan serta merta jika perintah IPO dimungkirkan.

Laporkan apa-apa kemungkiran IPO kepada polis ataupun kepada pegawai kebajikan masyarakat dengan segera. Pesalah akan dihukum kerana melanggar perintah IPO.

Apa yang akan terjadi seterusnya?

Sesuatu IPO hanya berkuatkuasa sehingga siasatan selesai. Sebaik sahaja siasatan tamat IPO akan luput.

Jika pesalah didakwa, anda boleh memohon Perintah perlindungan (Protection Order - PO). PO memberi lebih banyak lagi perlindungan ke atas diri anda jika dibandingkan dengan IPO sebab mahkamah boleh mengeluarkan perintah-perintah sampingan. Umpamanya, PO memberi hak kepada anda untuk tinggal di rumah tanpa pesalah, mengarah pesalah supaya tidak mendekati rumah, tempat kerja atau sekolah, dan menghalang pesalah bercakap atau menulis surat kepada anda.

Mahkamah juga boleh memerintah pesalah membayar pampasan untuk ganti rugi yang ditanggung oleh anda disebabkan keganasan rumah tangga. Mahkamah boleh memerintah anda atau pesalah mendapatkan khidmat kaunseling.

Nombor-nombor Talipon yang Penting

Pusat Kesedaran Wanita (WCC)	04-228 0342
Biro Bantuan Guaman	04-229 0966
Pusat Penasihat Guaman	04-261 7451

JABATAN POLIS

• Pulau Pinang (Ibu Pejabat)	04-222 1522
• Balik Pulau	04-866 9222
• Pulau Tikus	04-228 0422
• Ayer Itam	04-826 8522
• Sungai Nibong	04-643 0222
• Jelutong	04-282 5922
• Bukit Mertajam	04-538 2222
• Butterworth	04-332 2222

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

• KOMTAR	04-650 5258
• Georgetown	04-226 4531
• Balik Pulau	04-866 8442
• Bukit Mertajam	04-538 2584
• Butterworth	04-331 3455
• Jawi/Nibong Tebal	04-582 1798

HOSPITAL

JABATAN KEMALANGAN DAN KECEMASAN

• Hospital Pulau Pinang	04-222 5333
• Hospital Seberang Jaya	04-382 7333
• Hospital Balik Pulau	04-866 9333
• Hospital Bukit Mertajam	04-538 3333
• Hospital Sungai Bakap	04-582 4333



PUSAT KESEDARAN WANITA
WOMEN'S CENTRE FOR CHANGE (WCC)



PUSAT KESEDARAN WANITA

boleh membantu anda

Memberi tempat perlindungan yang selamat kepada anda dan anak-anak anda

Menyediakan khidmat kaunseling dan nasihat guaman

Membantu anda mendapatkan IPO

Perkhidmatan WCC adalah percuma dan kerahsiaan perhubungan diutamakan!



AKTA KEGANASAN AKTA KEGANA- SAN RUMAH TANG- GA

KESELAMATAN ADALAH HAK ANDA

Tiada Siapa Patut Dianiayai

Pusat Kesedaran Wanita (WCC)
(Dahulunya Pusat Krisis Wanita)

24-D Jalan Jones, 10250 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-2280342 • Fax: 04-2285784

E-mel: wcc@wccpenang.org • Laman Web: www.wccpenang.org